



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 2 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

2/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM SASAR TUBUH LEBIH BANYAK PAWE DEPANI NEGARA MENUA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/281907/berita/nasional/kpwkm-sasar-tubuh-lebih-banyak-pawe-depani-negara-menua	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2230629	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	70 PERATUS KES KEGANASAN RUMAH TANGGA SARAWAK BERKAIT ISU DADAH	
	https://tvstv.my/2023/10/01/70-peratus-kes-keganasan-rumah-tangga-sarawak-berkait-isu-dadah/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SARAWAK CATAT 2,192 KES KEGANASAN RUMAH TANGGA, KETIGA TERTINGGI	
	https://www.borneo.network/2023/10/sarawak-catat-2192-kes-keganasan-rumah.html	BORNEO.NETWORK

BIL	PERKARA	SUMBER
4	112,887 ISI RUMAH B40 TERIMA MANFAAT SKIM PERUBATAN MADANI	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2230510	BERNAMA.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1159379/112887-isi-rumah-b40-terima-manfaat-skim-perubatan-madani	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	SARAWAK MERAMBU NUMBUH MAKMAL HPV	
	https://suarasarawak.my/sarawak-merambu-numbuh-makmal-hpv/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	YAKEB SANTUNI BEKAS ATLET DI SABAH	
	https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2023/10/1159504/yakeb-santuni-bekas-atlet-di-sabah	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	WANITA 'DILARIKAN' PEMANDU E-HAILING: BERLAKU SALAH FAHAM, PEMANDU OKU PENDENGARAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015193/wanita-dilarikan-pemandu-e-hailing-berlaku-salah-faham-pemandu-oku	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/01/wanita-terjun-kereta-salah-faham-pemandu-e-hailing-rupanya-pekak/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/281812/berita/semasa/kejadian-wanita-terjun-kenderaan-e-hailing-cuma-salah-faham	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/01/pemandu-e-hailing-oku-larikan-wanita-hanya-salah-faham-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.buletintv3.my/nasional/kes-wanita-terjun-dari-kereta-pemandu-e-hailing-oku-pendengaran/	BULETINTV3.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/01/rupanya-pemandu-e-hailing-oku-pendengaran-wanita-dakwa-dilarikan-tarik-laporan/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.malysiakini.com/news/681105	MALYSIAKINI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kejadian-wanita-terjun-kenderaan-e-hailing-cuma-salah-faham-439744	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WANITA DIJANGKITI PENYAKIT KELAMIN, GARA-GARA SUAMI BERTUKAR PASANGAN SEKS	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/01/wanita-dijangkiti-penyakit-kelamin-gara-gara-suami-bertukar-pasangan-seks/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	TIGA WANITA TERSELAMAT, KERETA TERJUNAM TEBING 15 METER	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1159536/tiga-wanita-terselamat-kereta-terjunam-tebing-15-meter	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	TAK PUAS HATI BEKAS TEMAN WANITA ADA KEKASIH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015300/tak-puas-hati-bekas-teman-wanita-ada-kekasih	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WANITA DITIKAM DI KEDAI DOBI LAYAN DIRI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-ditikam-di-kedai-dobi-layan-diri-439723	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	WANITA WARGA ASING ANTARA DITAHAN SELUDUP ARAK RM1.5 JUTA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/wanita-warga-asing-antara-ditahan-seludup-arak-rm1-5-juta/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	'MASIH RAMAI WANITA PILIH LEBIH BAIK TAK TAHU ADA KANSER'	
	https://www.sinarharian.com.my/article/281854/edisi/kelantan/masih-ramai-wanita-pilih-lebih-baik-tak-tahu-ada-kanser	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	WANITA HILANG 34 JAM DITEMUKAN SELAMAT DALAM KEBUN BUAH NAGA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015263/wanita-hilang-34-jam-ditemukan-selamat-dalam-kebun-buah-naga	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KANAK-KANAK PEREMPUAN LEMAS TERGELINCIR DI KOLAM MEMANCING IKAN	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/10/kanak-kanak-perempuan-lemas-tergelincir-di-kolam-memancing-ikan-2/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-2-tahun-ikut-bapa-memancing-ditemui-lemas-439801	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015265/kanak-kanak-perempuan-lemas-dalam-kolam-pancing-ikan	HMETRO.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/72131-kanak-kanak-perempuan-lemas-dalam-kolam-pancing-2	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=BaKzQa7rUnM	YOUTUBE
	https://selangorkini.my/2023/10/kanak-kanak-perempuan-dua-tahun-lemas-jatuh-kolam/	SELANGORKINI.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	JURURAWAT DIBUNUH SUAMI: 'TAK SYAK APA-APA KEJADIAN BURUK BERLAKU'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015352/jururawat-dibunuh-suami-tak-syak-apa-apa-kejadian-buruk-berlaku	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	PBT DIAJAK MEWUJUDKAN BANDAR MESRA KANAK-KANAK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/01/pbt-diajak-mewujudkan-bandar-mesra-kanak-kanak	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	'NUR AFINA SOFEA AKHIRNYA TINGGALKAN KAMI'	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/01/nur-afina-sofea-akhirnya-tinggalkan-kami/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	IBU SEDIA DERMA HATI DEMI PASTIKAN NUR AFIYA HUSNA SIHAT	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1159413/ibu-sedia-derma-hati-demi-pastikan-nur-afiya-husna-sihat	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	70 ORANG PEMANAH CILIK Uji 'KEHANDALAN'	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/70-orang-pemanah-cilik-uji-kehandalan/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	STATUS OKU TAK HALANG SEMANGAT SAMBUNG BELAJAR DI UTM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/status-oku-tak-halang-semangat-sambung-belajar-di-utm/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	SULTAN SELANGOR BERKENAN RASMI SAMBUTAN HARI WARGA EMAS SEDUNIA	
	https://www.buletintv3.my/nasional/sultan-selangor-berkenanan-rasmi-sambutan-hari-warga-emas-sedunia/	BULETINTV3.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=K_QtUs9hE8A	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
23	WUJUD SKIM KERJA KHAS BANTU WARGA EMAS, SARAN AHLI AKADEMIK	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/01/wujud-skim-kerja-khas-bantu-warga-emas-saran-ahli-akademik/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wujudkan-skim-pekerjaan-khas-bantu-warga-emas-x8oget4	ASTROAWANI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-kemiskinan-warga-emas-skim-pekerjaan-khas-dicadang-diwujudkan-439807	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

2/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	LELAKI WARGA EMAS MAUT TERJATUH DARI TINGKAT TIGA RUMAH FLAT	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lelaki-warga-emas-maut-terjatuh-dari-tingkat-tiga-rumah-flat/	UTUSAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/10/dua-lelaki-termasuk-warga-emas-maut-jatuh-bangunan-di-ipoh/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	WARGA EMAS DIROMPAK LELAKI PURA-PURA HANTAR BARANG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/01/warga-emas-dirompak-lelaki-pura-pura-hantar-barang/	KOSMO.COM.MY
	https://suarasarawak.my/warga-emas-dirompak-perompak-pura-pura-hantar-barang/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	DEPANI NEGARA MENUA, LEBIH BANYAK PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS DITUBUH	
	https://selangorkini.my/2023/10/depani-negara-menua-lebih-banyak-pusat-aktiviti-warga-emas-ditubuh/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	WARGA EMAS TERKEJUT KAKI DISAMBAR ANAK BUAYA	
	https://malysiagazette.com/2023/10/01/warga-emas-terkejut-kaki-disambar-anak-buaya/	MALYSIAGAZETTE.COM



TAJUK : PESARA TENTERA DISYAKI TIKAM ISTERI KENA REMAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kekangan wang bantut usaha ibu jadi penderma

Machang: Ibu kepada kanak-kanak berusia setahun empat bulan yang mengalami kegagalan fungsi hati atau 'Biliary Atresia', Nur Afiya Husna Hashim, sedia menderma sebahagian hati kepada anaknya itu.

Hazirah Hashim, 32, berkata, harapannya itu bagaimanapun tipis berikutan wang belum mencukupi, namun tetap berterima kasih kepada orang ramai yang menyumbang bagi meringankan beban, terutama untuk membeli makanan tambahan kesihatan kepada Nur Afiya Husna bagi mengawal kerosakan hati.

Ditanya mengenai kesihatan anaknya itu, Hazirah berkata, ia itu tidak banyak berubah kerana perut Nur Afiya Husna membuncit, selain mata kekuningan.

"Bagi memastikan hati didermakan bersesuaian, saya perlu menjalani pemeriksaan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), namun terpaksa ditangguhkan kerana berdepan keka-

ngan kewangan untuk ke sana.

"Saya seboleh-bolehnya mahu pembedahan segera dijalankan bagi memastikan kesihatan Nur Afiya Husna, namun apakan daya kos pembedahan terlalu besar," katanya.

Kos bedah RM200,000

Media sebelum ini melaporkan suami isteri dari Kampung Gaung, Pangkal Meleret, di sini, tidak dapat menahan pilu apabila doktor menjangkakan usia anak mereka tidak panjang berikutan menderita kegagalan fungsi hati.

Doktor turut menjangkakan anak bongsu daripada tiga beradik itu hanya mampu bertahan untuk tempoh dua tahun, serta menyarankan pembedahan pemindahan hati berjumlah RM200,000 di India atau China disebabkan keadaan fizikal Nur Afiya Husna yang tidak mengizinkan untuk pembedahan dilakukan di negara ini.

Setiap dua minggu atau sebulan sekali, Nur Afiya Husna perlu menghadiri temu janji di Hospital Tanah Merah bagi memantau perkembangan kesihatannya.

Hazira berkata, jika wang mencukupi, dia tidak akan pernah gentar untuk melakukan pembedahan pemindahan hati sekiranya proses penentuan kesesuaian penderma melayakkannya berbuat demikian.

"Saya sanggup lakukan apa sahaja demi melihat Nur Afiya Husna sihat seperti kanak-kanak normal lain, walaupun terpaksa melakukan pengorbanan besar ini.

"Jumlah RM200,000 yang diperlukan untuk pembedahan amat besar dan itu belum lagi termasuk tiket penerbangan dan penginapan sepanjang berada di negara berkenaan, selain rawatan susulan perlu dilakukan sebelum dan selepas pembedahan," katanya.



TAJUK : PESARA TENTERA DISYAKI TIKAM ISTERI KENA REMAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pesara tentera disyaki tikam isteri kena reman

Suspek dipercayai bergaduh dengan pasangan akibat cemburu

Kangar: Seorang pesara tentera yang dipercayai menikam mati isterinya dengan sebilah pisau di kediaman pasangan itu di Jalan Padang Nyu, Arau, kelmarin, direman tujuh hari bermula semalam.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Siti Nor Hasliza Md Ali bagi membantu siasatan kes itu.

Terdahulu, suspek berusia 38 tahun yang berpakaian lokap dan bergari tiba di pekarangan Mahkamah Majistret di sini, dengan kenderaan polis pada jam 8.30 pagi.

Kelmarin, media melaporkan seorang lelaki ditahan kerana disyaki menikam mati isterinya yang berusia 31 tahun dengan sebilah pisau dalam kejadian pada kira-kira jam 6 pagi.



Pesara tentera dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar, semalam.

(Foto BERNAMA)

Suspek serah diri

Ketua Polis Daerah Arau, Superintendan Ahmad Mohsin Md Rodi, berkata mayat wanita itu ditemukan di bilik tidur kediaman berkenaan dalam keadaan berlumuran darah dan ditutupi selimut tebal, selepas suspek tampil menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perlis, pada kira-kira jam 10 pagi.

Mangsa yang juga seorang jururawat dipercayai ditikam pada bahagian dada kiri dengan tikaman sedalam kira-kira dua sentimeter dikesan pada tubuhnya.

Ahmad Mohsin berkata, suspek dipercayai bergaduh dengan isterinya akibat cemburu dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan. BERNAMA



TAJUK : 'APAKAN DAYA IBU, KOSNYA TERLALU MAHAL'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Apakan daya ibu, kosnya terlalu mahal'

Machang: Ibu pesakit kegagalan fungsi hati atau *Biliary Atresia*, Nur Afiya Husna Hashim, berusia setahun empat bulan, sedia mendermakan sebahagian hati kepada anaknya demi melihatnya kembali sihat.

Hazirah Hashim, 32, berkata, bagaimanapun, harapannya tipis berikutan kekangan dana dan berterima kasih kepada orang ramai yang menyumbang.

Katanya, sumbangan digunakan untuk membeli makanan tambahan kesihatan untuk Nur Afiya Husna bagi mengawal kerosakan hatinya.

Menurutnya, kesihatan Nur Afiya Husna tidak banyak berubah dan sama seperti sebelum ini apabila perutnya membuncit selain mata kekuningan.

"Bagi memastikan hati didermakan sesuai, saya perlu jalani pemeriksaan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), namun ditangguhkan kerana berdepan kekangan kewangan untuk ke sana.

"Saya seboleh-bolehnya mahu pembedahan disegerakan, namun apakan daya kos pembedahan terlalu besar," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, hayat Nur Afiya Husna Hashim mungkin hanya bertahan dua tahun berikutan menderita kegagalan hati.

Pada masa, doktor turut menyarankan supaya Nur Afiya Husna menjalani pembedahan pemindahan hati dengan kos RM200,000 di India atau China disebabkan keadaan fizikal Nur Afiya Husna yang tidak mengizinkan pembedahan dilakukan di negara ini.

Setiap dua minggu atau sebulan, Nur Afiya Husna perlu menghadiri temujanji di Hospital Tanah Merah bagi memantau perkembangan tahap kesihatannya.

"Jumlah RM200,000 itu hanya kos pembedahan, tidak termasuk tiket penerbangan dan penginapan selain rawatan susulan sebelum dan selepas pembedahan," katanya.



TAJUK : 'MAMA BELUM BALIK KERJA LAGI?'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Alor Setar

“Anak arwah adik belum tahu kejadian sebenar yang menimpa ibu mereka tapi mungkin mereka akan tahu bila jenazahnya dibawa pulang untuk dikebumikan,” kata Melati Abu Bakar, 39.

Melati adalah kakak kepada Munirah Abu Bakar, 31, jururawat yang maut selepas ditikam suaminya di Jalan Padang Nyu, Arau, Perlis, kelmarin.

Katanya, dia yang menjaga kedua-dua anak mangsa berusia lapan dan enam tahun itu ketika ini hanya akan memberitahu perkara sebenar apabila jenazahnya dibawa pulang untuk dikebumikan semalam.

“Anak sulung arwah ada tertanya-tanya juga, Mana mama? Mama tak balik kerja lagi?”

“Mereka mungkin menganggap ibunya masih di tempat kerja dan belum pulang,” katanya ketika ditemui di pekarangan Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini semalam.

Melati berkata, dia dan bapanya, Abu Bakar Senapi, 64, ke HSB awal pagi semalam untuk melakukan proses pengecaman mayat sebelum proses bedah siasat dilakukan.

Katanya, keluarga masih terkejut dengan tragedi yang menimpa anak kelima daripada enam beradik itu na-

WANITA MATI DITIKAM SUAMI

‘Mama belum balik kerja lagi?’

Anak tak tahu berita ‘pemergian’ ibu mereka

mun reda dengan takdir itu.

“Kami sudah memaafkan suspek yang dianggap seperti keluarga sendiri itu tapi berat nak cakap hal perasaan kami sekeluarga sebab memang rasa ‘sakit’ tetapi kami sudah maafkan suaminya.

“Cuma kami minta kalau ada keputusan (mahkamah) nanti biarlah dia (suspek) diadili seadil-adilnya,” katanya.

Melati berkata, kali terakhir me-

reka sekeluarga bertemu dengan mangsa pada Ahad lalu ketika dia datang makan tengah hari bersama keluarganya.

“Arwah ketika itu langsung tidak menunjukkan apa-apa petanda dan kelihatan ceria seperti selalu.

“Arwah adik memang seorang yang ceria dan tidak pernah memberitahu apa-apa berkaitan masalah rumah tangganya.

“Mereka sudah hampir 10 tahun berkahwin, kalau bergaduh sikit-sikit itu biasalah. Suaminya juga baik dengan kami sebab itu kami semua terkejut dengan kejadian yang menimpa Munirah itu,” katanya.

Menurut Melati, mereka sekeluarga mengetahui dengan tragedi itu sekitar jam 1 petang kelmarin.

Katanya, bapanya sudah mengetahui lebih awal kejadian itu dan sempat ke rumah Munirah tetapi polis sudah berada di lokasi.

Katanya, jenazah akan dikebumikan di Kampung Paya Tengah Beseri,

Perlis.

Media sebelum ini melaporkan seorang jururawat Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar maut ditikam suaminya, kelmarin.

Berikutan itu, polis menahan seorang lelaki yang disyaki menikam mati isterinya itu dengan pisau di kediaman pasangan itu di Jalan Padang Nyu, Arau dan di reman tujuh hari untuk membantu siasatan.



MELATI menunjukkan gambar Munirah.



TAJUK : 'SALAH FAHAM DENGAN PEMANDU OKU'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Shah Alam: Pemandu e-hailing yang dikatakan terbabit kejadian seorang wanita terjun dari kereta di Glenmarie di sini, dikenal pasti adalah orang kurang upaya (OKU) pendengaran dan berlaku salah faham antara mereka.

Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, siasatan polis mendapati pemandu lelaki berusia 26 tahun itu berdaftar dengan syarikat e-hailing secara sah.

Menurutnya, semakan juga mendapati lelaki yang memandu Perodua Axia itu bekerja sebagai pemandu e-hailing bermula 26 September lalu dan pengadu adalah pelanggan ketiganya pada hari kejadian.

"Pemandu itu juga menjelaskan tersalah jalan disebabkan masih baru dan

'Salah faham dengan pemandu OKU'

cuba membuat pusingan U di Jalan Temasya, Glenmarie, pada masa yang sama pengadu membuka pintu kereta lalu keluar dari kenderaannya.

"Dia kemudiannya meneruskan perjalanan kerana ada permintaan pelanggan lain," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Iqbal berkata, berdasarkan laporan pengadu iaitu wanita berusia 31 tahun yang bekerja sebagai pramusaji membuat tempahan e-hailing pada jam 9.30 pagi, 27 September lalu di Stesen Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) Glenmarie untuk ke tempat kerja.

Menurutnya, ketika kejadian pengadu duduk di bahagian penumpang belakang dan bertanya ke-

pada suspek untuk membuat pembayaran secara tunai tetapi tidak dijawab serta pengadu menyedari suspek sering melihatnya melalui cermin pandang belakang.

"Bimbang keselamatannya, pengadu bertindak turun dari kereta semasa kenderaan bergerak perlahan. Pengadu tidak alami kecederaan," katanya.

Hasil siasatan yang dilakukan, katanya, kes diklasifikasi sebagai tiada tindakan lanjut (NFA) kerana berlaku salah faham.

Tambahnya, pengadu juga menarik balik laporan polis yang dibuat sebelum ini selepas mengetahui keadaan sebenar.

Kelmarin dilaporkan, seorang wanita berdepan detik cemas selepas men-



dakwa 'dilarikan' pemandu e-hailing.

Pengusaha katering, Ayuni Dean, 44, mendakwa kejadian itu berlaku pada Rabu lalu ketika pekerjaanya dalam perjalanan ke

tempat acara di Glenmarie, di sini.

Pekerjanya yang dipanggil Neera menghubungi meminta bantuan selepas terjun dari kereta berkenaan dan berlari me-

nyelamatkan diri.

Dakwanya, Neera ada tanyakan soalan sama berulang kali tapi pemandu itu hanya memandangnya dan diam sebelum membawanya melalui lorong sunyi serta terdapat bangunan kosong.

Keadaan itu menyebabkan Neera berasa pelik dan bertanya ke mana mahu pergi tapi lelaki itu diam lalu dia hubungi talian 999 minta bantuan.

Pegawai khidmat pelanggan memintanya memasang pembesar suara untuk bercakap dengan lelaki itu tapi dia tetap diam dan meneruskan perjalanan.

Apabila sampai di satu bangunan kosong, lelaki itu memperlakukan kereta seolah mahu berhenti dan Neera terus terjun serta lari menyelamatkan diri.



TAJUK : 'SAYA PERLU BERDIKARI WALAUPUN SUKAR'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

SEMANGAT MAHASISWA BAHARU OKU DAFTAR DI UTM

'Saya perlu berdikari walaupun sukar'

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Penyakit genetik yang menyebabkan pergelangan kedua-dua kakinya lemah sehingga memerlukan alat sokongan tidak menjadi penghalang bagi Arisha Maisarah Nasruddeen, 20, berdikari dan meneruskan cita-citanya ke menara gading.

Anak kedua daripada tiga beradik dari Batu Gajah, Perak menghidap penyakit itu sejak berusia enam tahun menyebabkan pergerakannya terbatas dan tidak boleh berdiri lama.

"Saya ada kekurangan tapi saya kena anggap ia sebagai cabaran perlu ditempuhi. Saya kini jauh daripada keluarga dan perlu berdikari walaupun sebenarnya hendak berdiri lima minit pun rasa tidak stabil.

"Alhamdulillah, kemudahan yang universiti berikan saya dapat kediaman dekat dengan bangunan akademik, kafe dan kemudahan lain. Malah bilik saya juga berada di aras ba-

wah," katanya ketika ditemui pada sesi pendaftaran mahasiswa baharu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sesi 2023/2024 di Skudai di sini, semalam.

Seramai 3,482 mahasiswa baharu memulakan sesi akademik bagi pengajian Sarjana Muda Sepenuh Masa dan Program Ijazah Antarabangsa (IDP).

Semangat sama dikongsi mahasiswa orang kurang upaya (OKU) buta sebelah mata, Fatimahtul Nur Amierra Amir Hassan, 19 yang berasal dari Kota Belud, Sabah.

Katanya, kehilangan penglihatan mata kanan seawal usia lima bulan, membataskan jarak penglihatannya.


"Saya mula pakai mata palsu semasa berusia 14 tahun, jujurnya saya rasa takut dan bimbang sebab berjauhan dari keluarga.

"Tetapi saya yakin ramai yang membantu. Ketika di kelas saya akan memilih untuk duduk di bahagian hadapan supaya dapat melihat lebih jelas," katanya.



ARISHA Maisarah hidap sakit genetik sebabkan pergelangan kedua-dua kaki lemah dan memerlukan alat sokongan untuk bergerak.

"Saya ada kekurangan tapi saya kena anggap ia sebagai cabaran yang perlu ditempuhi. Saya kini jauh daripada keluarga dan perlu berdikari walaupun sebenarnya hendak berdiri lima minit pun rasa tidak stabil"



TAJUK : 'SAYA TANYA MANA ADIK?'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Saya tanya mana adik?'

Kanak-kanak perempuan 2 tahun lemas di kolam memancing

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Dungun

"Saya menjerit sekuat hati sebaik melihat anak terapung di dalam kolam itu.

"Saya sedaya upaya ikhtiar termasuk memberi bantuan pernafasan (CPR), namun Tuhan lebih menyayangi dia," kata Mohd Rafi Ibrahim, 39, selepas anaknya, Nur Rania Faizah, disahkan meninggal dunia akibat lemas selepas tergelincir ke dalam sebuah kolam memancing ikan di Bukit Besi, kelmarin.

Pada kejadian jam 5.15 petang, Nur Rania yang berusia dua tahun lima bulan, disahkan meninggal jam 8 malam ketika dirawat di Hospital Dungun.

Mohd Rafi, 39, berkata, dia bersama isterinya Fatinhanani Ali, 31, membawa Nur Rania dan dua lagi anak mereka, Muhammad Alim Solihim, 5, serta Muhammad Irfan Hakim, dua bulan, pergi memancing di kolam terbabit, jam 5 petang.

"Sebelum kejadian, saya sedang memancing di situ, isteri sedang menyusukan anak bongsu di sebuah tempat berteduh sementara Nur Rania bermain-main dengan Muhammad Alim tidak jauh dari saya.

"Kurang 15 minit, saya dapati Muhammad Alim menghampiri saya, bila saya tanya mana adik, Muhammad Alim menjawab dia tidak tahu," katanya.

Katanya, dia yang cemas



MOHD Rafi (kanan) menunjukkan gambar anaknya, Nur Rania yang lemas di dalam kolam memancing dalam kejadian berlaku kelmarin.

terus mencari Nur Rania selain meminta bantuan penjaga kolam berkenaan turut membantu mencari anaknya itu.

"Kira-kira 15 minit kemudian, remuk hati saya selepas melihat Nur Rania terapung di kolam, kira-kira 50 meter dari tempat saya memancing, sebelum penjaga kolam terjun untuk mendapatkannya.

"Saya cuba sedaya upaya menyelamatkan anak. Ketika itu banyak air keluar dari mulutnya dan dia kelihatan sudah tidak berma-ya," katanya.

Dia kemudiannya menjejarkan anaknya itu ke Klinik Kesihatan Bukit Besi sebelum dibawa ke Hospital Dungun.

Namun dia dimaklumkan pegawai

perubatan yang Nur Rania gagal diselamatkan.

Sementara itu, Fatinhanani berkata, dia rasa teringin untuk makan ikan patin sebelum suaminya bersetuju membawa anak-anak memancing di kolam itu.

Menurutnya, apabila sedar Nur Rania hilang, dia menjerit beberapa kali memanggil nama anaknya itu.

"Bila dia tidak menyahut, hati saya mula gelisah sebelum dimaklumkan suami yang Nur Rania terjatuh ke dalam kolam.

"Saya tidak menyangka kunjungan kami ke sini berakhir dengan duka" katanya.

Menurutnya, sepanjang hari itu, Nur Rania sangat manja

dengannya seolah-olah tidak mahu berpisah.

"Kelmarin (Jumaat), Nur Rania minta datuknya membawa dia ke kubur kerana dia mendakwa rindu untuk menziarah neneknya yang meninggal dunia tiga bulan lalu.

"Nur Rania turut berdoa selain menyiram kubur arwah neneknya itu," katanya.

Fatinhanani berkata, pada pagi kejadian, datuk Nur Rania membeli kuih bakar kegemaran anaknya itu namun kanak-kanak itu tidak memakannya sebaliknya menyuapkan kuih itu ke mulutnya.

Jenazah Nur Rania dituntut keluarganya jam 2.30 petang semalam, sebelum dikebumikan di tanah perkuburan berhampiran rumah keluarganya di Kampung Landas Ajil, Hulu Terengganu.

**Nur Rania
ditemui terapung
di kolam, kira-kira 50
meter dari tempat
bapanya memancing**



TAJUK : HANTAR ANAK TANPA SEBARANG KATA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Hantar anak tanpa sebarang kata

Arau: “Saya pelik apabila suami Mun hantar anaknya awal pagi dan berlalu tanpa sebarang kata,” kata Hasnah Yahya, 63, pengasuh dua anak lelaki jururawat yang maut ditikam suaminya dengan pisau di kediaman mereka di Padang Nyu, kelmarin.

Menurut Hasnah, lazimnya pada hari Sabtu, bapa kanak-kanak berusia lapan dan enam tahun itu menghantar anak ke rumahnya sekitar jam 9 pagi namun kelmarin mereka dihantar lebih awal iaitu pada 7 pagi.

“Saya pun tidak sempat bertanya kerana bapa me-

reka berada dalam kereta dan dua beradik itu sempat melambai ke arah bapanya,” katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Kubang Gajah, di sini semalam.

Katanya, sepatutnya dia bercuti kelmarin tetapi kerana sayangkan dua beradik itu, dia tetap mengasuh tanpa mengesyaki apa-apa.

“Namun kira-kira 1 tengah hari, saya menerima panggilan telefon daripada pegawai polis Ibu Pejabat Polis Daerah Arau yang bertanyakan mengenai keberadaan dua beradik itu.

“Saya mula curiga apabila pegawai polis menyuruh saya ke Balai Polis Arau dan polis datang ke rumah untuk mengambil kanak-kanak itu bagi diserahkan kepada waris ibu mereka. Ketika itu baharu saya tahu perkara sebenarnya,” katanya.

Hasnah berkata, apa yang menyedihkan adalah sehingga semalam kanak-kanak itu masih tidak mengetahui apa yang berlaku.

“Malah berkali-kali, abang sulung menyatakan bahawa ibu mereka akan datang menjemput mereka nanti,” katanya.



TAJUK : IBU BAPA JADI PELAKU UTAMA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

PENDERAAN TERHADAP KANAK-KANAK

Ibu bapa jadi pelaku utama

Kuala Lumpur

Ibu bapa dikesan sebagai golongan merekodkan jumlah kes tertinggi berkaitan penderaan kanak-kanak dan remaja bawah umur.

Perkara itu didedahkan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berdasarkan statistik terkumpul sejak 2018 hingga Jun lalu.

Menurutnya, 1,505 kes diterima pihaknya sepanjang tempoh itu membabitkan suspek ibu bapa kepada mangsa penderaan.

"Secara keseluruhan, ada 3,264 kes dera diterima sepanjang tempoh itu dengan 2,148 kes membabitkan ahli keluarga mangsa sendiri termasuk ibu bapa.

"Daripada jumlah itu, 787 kes membabitkan bapa sebagai suspek manakala 717 kes direkodkan (suspek

2,148
Kes penderaan babit ahli keluarga termasuk ibu bapa

ibu kepada mangsa.

"Selain ahli keluarga, ada 1,116 kes penderaan dilaporkan membabitkan pengasuh, pembantu rumah, pasangan ibu bapa sama ada teman lelaki atau teman wanita, guru, majikan, suami pengasuh, penjaga dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di pejabatnya di Bukit Aman di sini.

Menurutnya, 3,666 kanak-kanak dan remaja bawah umur dilaporkan menjadi mangsa penderaan sepanjang

jang tempoh berkenaan.

"Daripada 3,666 mangsa terbabit, 2,094 mangsa lelaki manakala 1,572 lagi mangsa perempuan.

"Dari segi lingkungan umur, kanak-kanak berusia dua hingga enam tahun merekod jumlah mangsa tertinggi dengan 1,484 mangsa iaitu 40 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Berdasarkan statistik mengikut negeri pula, Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 1,236 kes daripada 3,233 kes dera dilaporkan sepanjang tempoh berkenaan," katanya.


Mengulas mengenai kes buang bayi pula, beliau berkata, sebanyak 582 kes dilaporkan di seluruh negara

sepanjang tempoh sama.

"Daripada jumlah itu, lima negeri mencatatkan jumlah kes tertinggi adalah Selangor dengan 133 kes diikuti Johor (73), Sabah (71), Kuala Lumpur (55) dan Kedah (37).

"Berdasarkan statistik, sebanyak 551 bayi dilaporkan dibuang sepanjang tempoh itu dengan 377 daripadanya adalah bayi baru lahir iaitu 68 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala 174 lagi ditemui dalam bentuk janin.

"Daripada jumlah itu juga, 180 atau 32 peratus bayi ditemui adalah lelaki manakala 26 peratus atau 144 bayi perempuan manakala 42 peratus lagi atau 227 bayi atau janin tidak diketahui jantina," katanya.



TAJUK : JKM TERIMA 9,729 KES DERA, ABAI KANAK-KANAK

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

JKM terima 9,729 kes dera, abai kanak-kanak

Kuala Lumpur: Sebanyak 9,729 kes diterima Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membabitkan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak di seluruh negara bagi tempoh tahun lalu hingga Mei lalu.

Jurucakap JKM berkata, daripada jumlah itu, 6,770 kes diterima pihaknya pada tahun lalu manakala 2,959 lagi kes dicatat sejak Januari hingga Mei lalu.

"Daripada jumlah itu 3,520 mangsa membabitkan kanak-kanak lelaki, manakala sebahagian besar atau 6,209 lagi kes mangsa perempuan.

"Jumlah itu membabitkan pelbagai jenis penderaan termasuk fizikal, seksual, emosi selain pengabaian, dibuang atau tiada ibu bapa serta lain-lain.

"Daripada jumlah itu, pengabaian mencatatkan kes tertinggi iaitu 3,193 kes diikuti penderaan seksual (2,586 kes), fizikal (2,343 kes), lain-lain (1,130 kes), dibuang atau tiada ibu bapa (284 kes) dan penderaan emosi (193 kes)," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, kecuaihan ibu bapa atau penjaga sama ada secara sengaja atau tidak menjadi antara faktor penyumbang kepada keganasan terhadap kanak-kanak.

"Berdasarkan statistik tempoh sama, 2,824 kes kanak-kanak dilaporkan menjadi mangsa penderaan disebabkan kecuaihan ibu bapa atau penjaga.

"Antara kejadian yang berlaku seperti ditinggalkan dalam kereta, terjatuh dari eskalator di pusat beli belah dan terjatuh dari bangunan.

"Selain itu, ada di antara ibu bapa membiarkan atau

"Ada di antara ibu bapa membiarkan atau memberi kepercayaan kepada kanak-kanak keluar ke kedai atau pasar malam untuk membeli barang keperluan tanpa pengawasan orang dewasa"

memberi kepercayaan kepada kanak-kanak keluar ke kedai atau pasar malam untuk membeli barang keperluan tanpa pengawasan orang dewasa," katanya.

Selain itu, perbalahan keluarga dilihat sebagai faktor menyumbang kes penderaan kanak-kanak iaitu sebanyak 759 kes sepanjang tempoh berkenaan.

"Ada dalam kalangan ibu bapa dera anak-anak mereka kerana krisis rumah tangga seperti pergaduhan antara suami isteri yang mungkin disebabkan gangguan pihak luar," katanya.

Katanya, masalah kewangan juga boleh menyebabkan ibu bapa bertindak ganas terhadap anak-anak.

Menurutnya, berdasarkan statistik tempoh sama, 512 kes kanak-kanak menjadi mangsa dera disebabkan masalah kewangan ibu bapa atau penjaga.

"Kehidupan di bandar besar dengan pendapatan rendah menyukarkan ibu bapa membesarkan anak.

"Keadaan sebegini menyedihkan kerana anak tidak sepatutnya diperlakukan sebegini pada usia mereka yang masih memerlukan kasih sayang dan perlindungan," katanya.



TAJUK : LEMAS KETIKA CUBA SELAMAT RAKAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lemas ketika cuba selamat rakan

Lumut: Seorang remaja mati lemas selepas hilang ketika cuba menyelamatkan rakan di Pantai Pasir Bogak, Pulau Pangkor di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, Lee Zhi Siong, 20, dilaporkan hilang ketika cuba menyelamatkan rakannya yang hampir lemas ketika mandi di pantai peranginan itu.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Mohamed Nordin Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada orang awam jam 3.04 petang.

Menurutnya, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) terus dilancarkan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sebelum mangsa ditemukan mati lemas jam 3.45 petang.

“Siasatan awal polis mendapati mangsa yang berusia 20 tahun itu ingin menyelamatkan rakannya daripada lemas ketika mandi di pantai berkenaan,



Siasatan awal polis mendapati mangsa yang berusia 20 tahun itu ingin menyelamatkan rakannya daripada lemas ketika mandi di pantai berkenaan, tetapi mangsa hilang manakala rakannya berjaya menyelamatkan diri”

Mohamed Nordin

an, tetapi mangsa hilang manakala rakannya berjaya menyelamatkan diri.

“Mayat dihantar ke Hospital Seri Manjung untuk bedah siasat dan siasatan mendapati tiada sebarang unsur jenayah dalam kejadian itu,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.



TAJUK : MANGSA DALAM KEADAAN STABIL

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Mangsa yang ditikam menggunakan gunting ketika berada di kedai dobi di hadapan Kem Sri Pantai, Seberang Takir di sini, petang kelmarin, kini dalam keadaan stabil.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Superintendan Wan Mohd Zaki Wan Ismail berkata, mangsa berusia 31 tahun cedera di belakang badan dan dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

“Kejadian berlaku ketika mangsa masuk ke kedai dobi berkenaan bersendirian jam 3 petang. Seketika kemudian, suspek yang mengekori mangsa terus menikam bahagian belakangnya dengan menggunakan gunting.

KES TIKAM DALAM KEDAI DOBI

Mangsa dalam keadaan stabil



Suspek turut memukul dan menendang mangsa sebelum melarikan diri dengan menggunakan Proton Wira kelabu”

Wan Mohd Zaki

“Suspek turut memukul dan menendang mangsa sebelum melarikan diri menggunakan Proton Wira kelabu,” katanya.

Wan Zaki berkata, pihaknya masih mengesan suspek selain tiada laporan kerugian diterima daripada mangsa.

“Kes disiasat mengikut Sekatan 324/393 Kanun Keseksaan,” katanya.



MANGSA cedera ditikam suspek menggunakan gunting.



TAJUK : PUKUL UNTUK DIDIK BUKAN ALASAN KUKUH

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur: Kegagalan mengawal emosi, tekanan dan pengaruh dadah antara punca utama dikenal pasti menyebabkan seseorang menjadi pendera kanak-kanak serta remaja bawah umur.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, perkara itu berkait pelbagai isu lain yang membawa kepada tindakan di luar kawalan.

"Antara perkara memberi tekanan kepada suspek sehingga mendera adalah faktor kewangan,

Pukul untuk didik bukan alasan kukuh

kurang ilmu keibubapaan dan kehamilan tak dirancang menyebabkan belum bersedia menjadi ibu bapa.

"Apabila berdepan situasi ini, ada ibu bapa ambil tindakan konon mahu melepaskan tekanan dengan mendera anak-anak mereka," katanya.

Siti Kamsiah berkata, ada suspek dalam kalangan ibu bapa beri alasan memukul anak-anak mereka kerana nakal dan mahu mendidik.

"Sudah menjadi lum-

rah jika ada dalam kalangan kanak-kanak itu nakal, namun itu tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk ibu bapa mendidik anak-anak dengan memukul.

"Kalau dalam konteks mendidik, ibu bapa perlu lihat umur anak dan pendekatan diambil.

"Adakah logik jika mahu didik anak berusia dua tahun dengan memukul hingga cedera sedangkan ketika usia itu kanak-kanak masih tidak lagi memahami apa yang berlaku?" soalnya.

Dalam kes buang bayi pula, beliau berkata, tempangan ahlak dan

moral serta kurang pendidikan agama dalam kalangan remaja menyebabkan mereka terjebak dengan pergaulan bebas dan aktiviti seks luar nikah.

"Apabila sudah mengandung lazimnya suspek membuang bayi mereka.

"Ini juga kerana suspek takut perkara itu (mengandung) diketahui keluarga menyebabkan ada antara mereka menggururkan janin," katanya.

Menurutnya, bayi dan kanak-kanak ditinggalkan atau didera ibu bapa kandung akan dijaga ahli ke-

uarga terdekat jika mereka mampu menguruskan mangsa dengan baik.

"Jika tidak, mangsa diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk dijaga.

"Dari segi inisiatif diambil polis dalam isu ini, kami jalankan Kempen Kesedaran Kanak-Kanak (CAC) bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa golongan itu terdedah menjadi mangsa (penderaan).

"Pelaksanaan kempen dibuat melalui penganjuran program dengan kerjasama agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

"Ibu bapa perlu lihat umur anak dan pendekatan diambil"
Siti Kamsiah





TAJUK : TAK SANGKA RAKAN BAIK MENJADI MANGSA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tak sangka rakan baik menjadi mangsa

Alor Setar: “Selalu saya baca kes orang lain tapi ini babitkan kawan baik sendiri,” kata Rosima Dollah, 31, rakan baik Munirah Abu Bakar, 31, jururawat yang mati ditikam suami di rumah di Jalan Padang Nyu, Arau, Perlis, kelmarin.

Menurut Rosima, sebelum ini dia hanya mendengar mengenai kes pembunuhan oleh suami, namun tidak menyangka kes sedemikian berlaku ke atas rakan baik dikenali selama 18 tahun itu.

“Saya tahu mengenai kes ini melalui rakan di bilik bedah hospital. Saya terus ke rumah dia untuk melihat apa yang berlaku,” katanya yang berkawan baik dengan mangsa sejak Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Puan Muda Tengku Fauziah, Kangar.

Katanya, kali terakhir dia berhubung dengan arwah melalui telefon Jumaat lalu dan mendapati tingkah lakunya tidak seperti selalu, malah tidak ceria dan nada suaranya juga agak sedih.

Menurutnya, mereka sepatutnya bertemu Jumaat lalu tetapi tidak sempat disebabkan arwah bekerja dan hanya berbual melalui telefon.

“Saya dapat rasakan sesuatu kerana arwah tak banyak cakap, tidak macam sebelum ini.

“Saya juga nak jumpa dengan arwah, tetapi dia kata sibuk kerana kerja. Pagi tadi (kelmarin) saya terkejut mendapat berita kematiannya,” katanya ketika ditemui di Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini, kelmarin.

hiyah (HSB) di sini, kelmarin.

Rosima berkata, arwah yang dipanggil Angah itu adalah seorang yang lemah lembut dan baik, malah sering memberi nasihat kepadanya.

Munirah ditemukan berlumuran darah di bilik tidur kediaman berkenaan dan ditutupi dengan selimut tebal selepas suspek tampil menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis pada kira-kira 10 pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Arau Superintendan Ahmad Mohsin Md Rodi berkata, mangsa dipercayai ditikam dengan pisau di dada kiri oleh suaminya yang juga pesara tentera dalam kejadian kira-kira 6 pagi menyebabkan kesan tikan sedalam kira-kira dua sentimeter.

“Suspek yang juga seorang pesara tentera berusia 38 tahun dipercayai bergaduh dengan isterinya akibat cemburu,” katanya kepada pemberita di lokasi kejadian.

Ahmad Mohsin berkata, polis turut menemukan sebilah pisau yang disimpan dalam sebuah beg di dapur rumah itu yang dipercayai digunakan dalam kejadian, dan siasatan awal mendapati suspek mempunyai satu rekod jenayah lampau berkaitan dadah.

Jenazah dihantar ke Hospital Tuanku Fauziah, Kangar sebelum dipindahkan ke Hospital Sultanah Bahiyah Hospital, Alor Setar untuk proses bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.



TAJUK : WARGA EMAS DITEMUKAN DALAM KEADAAN LEMAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas ditemukan dalam keadaan lemah

Alor Gajah: Seorang wanita warga emas yang dilaporkan hilang sejak Jumaat lalu ditemukan selamat dalam keadaan lemah dalam kebun buah naga di Kampung Melekek, Simpang Ampat, di sini, semalam.

Laporan kehilangan mangsa dibuat anak lelaki wanita itu di Balai Polis Simpang Ampat selepas mendapati pintu dapur rumahnya terbuka dan gagal mencari ibunya kira-kira jam 11.30 malam.



Mangsa ditemui kira-kira jam 10.20 pagi dalam keadaan lemah di sebuah kebun buah naga

Arshad

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Arshad Abu berkata, berdasarkan laporan, anak

mangsa mendakwa ibunya berusia 84 tahun menghidap penyakit nyanyuk dan sering bercakap sendirian.

Menurutnya, keluarga cuba mencari wanita itu termasuk di kebun kelapa sawit berhampiran dengan bantuan penduduk dan khidmat pengamal perubatan tradisional, namun gagal sebelum membuat laporan polis kira-kira jam 8 malam kelmarin.

“Susulan itu, sepasukan 44 anggota termasuk polis, APM (Angkatan Pertaha-

nan Awam Malaysia), bomba dan Rela serta dibantu anjing pengesanan menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) bermula jam 9 pagi tadi (semalam).

“Mangsa ditemui pasukan SAR jam 10.20 pagi dalam keadaan lemah di sebuah kebun buah naga iaitu kira-kira tiga kilometer dari rumahnya,” katanya.

Katanya, mangsa kemudian dihantar ke Hospital Alor Gajah untuk mendapatkan rawatan.



TAJUK : EX-SOLDIER REMANDED A WEEK OVER WIFE'S MURDER

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ex-soldier remanded a week over wife's murder

KANGAR: A 38-year-old retired soldier who allegedly stabbed his wife to death has been remanded for seven days to assist in police investigations.

He was believed to have murdered his wife, 31, a nurse at Tuanku Fauziah Hospital here, by stabbing her in the left side of her chest with a knife at a house in Jalan Padang Nyor, Arau.

The remand order was issued by magistrate Siti Norhasliza Md Ali.

Arau district police chief Superintendent Ahmad Mohsin Md Rodi confirmed the suspect's remand.

On Saturday, police said the victim's body was found in a pool of blood and covered with a thick blanket in the bedroom of a house after her husband surrendered himself at the Perlis police head-

quarters about 10am.

Police had said the victim was believed to have been stabbed in the chest by her husband with a knife, with the wound about 2cm deep.

Police said in the 6am incident, the suspect and victim were in an argument sparked by jealousy.

The couple have two sons, aged 8 and 10.

Police found a knife, believed to be the murder weapon, in a bag in the kitchen.

The suspect has a drug-related criminal record.

The woman's body was taken to Tuanku Fauziah Hospital before it was transferred to Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star for a post-mortem examination.

The case is being investigated for murder.



TAJUK :	COPS HUNT FAKE DELIVERYMEN WHO ROBBED SENIOR CITIZEN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	02 OCT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Cops hunt fake deliverymen who robbed senior citizen

Jeremy Veno

KUCHING: Police are on the hunt for at least two individuals who robbed a senior citizen at her house in Kampung Sindang Baru, along Jalan Datuk Mohammad Musa on Sept 30.

Kota Samarahan police chief DSP Brodie Brangka in a statement yesterday said the woman, 67, was approached at her front gate by a man who claimed to be delivering an order of perfume to the house.

"The victim denied she had made such an order. At this point, the man asked for permission to use the toilet in the house and was allowed by the victim.

"However, upon entering the house, he brandished a knife at the victim and a struggle ensued between them in the kitchen which ended with him escaping with the victim's gold necklace," he said.

Brodie added the suspect had also tried to snatch the victim's gold bracelet but was

The victim denied she had made such an order. At this point, the man asked for permission to use the toilet in the house and was allowed by the victim.

DSP Brodie Brangka

unsuccessful.

"The suspect then ran out the house where an accomplice was waiting in a black car – said to be either a black Perodua Myvi or Axia."

The victim, he said, was alone at the time of the incident as her daughter and two grandchildren had gone out.

The case is being investigated under Section 395/397 of the Penal Code for gang robbery.



TAJUK : ON TRACK TO DEALING WITH 10,000 CITIZENSHIP BIDS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 05

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

On track to dealing with 10,000 citizenship bids

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Decisions on 9,539 citizenship applications were made as of September this year, says Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

The Home Minister said the ministry is on course to reach its target of making decisions on at least 10,000 applications.

"The government, through the ministry, is committed to considering every citizenship application fairly.

"Granting citizenship to non-citizens is the highest award and exclusive right of the Federal Government, thus it cannot be given easily," he said after attending the ministry's Madani programme at Bandar Tun Razak yesterday.

The event saw 19 people being granted citizenships.

The Prime Minister's wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, who is also Bandar Tun Razak MP, also attended the event.

Saifuddin Nasution said the process to amend the Federal Constitution with regards to citizenship rights is going smoothly and is on schedule.



A place to call home: Saifuddin Nasution (third, left) presenting a certificate of citizenship to a child at the Home Affairs Ministry's Madani programme in Bandar Tun Razak, KL, with Dr Wan Azizah. — Bernama

"Engagements with relevant stakeholders are also ongoing and we hope we will be able to table the proposed amendments during the coming Parliament session," he said.

On a separate matter, Saifuddin Nasution said the government

has not made any decision on bringing back two Malaysians being held by the United States at Guantanamo Bay, Cuba.

He said the government has just started discussions on the matter with US authorities.

"It is still early ... so there is no

conclusion or decision yet. We will inform [the press] if there is any development," he said.

Mohammed Nazir Lep and Mohammed Farik Amin were arrested for their role in the Bali and Jakarta bombings in 2002 and 2003, respectively.



TAJUK : **UNDENIABLE NEED FOR CAREGIVERS**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **02 OCT 2023**

M/SURAT : **08**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Undeniable need for caregivers

'Being the primary carers, women are unable to contribute to the workforce'

By **JUNAID IBRAHIM**

junaid.ibrahim@thestar.com.my

PETALING JAYA: There should be a robust care industry covering both children and senior citizens, in addition to other initiatives, to encourage women's participation in the labour market, say experts.

However, there is also rising concern that a higher rate of female participation in the labour market would contribute to the declining fertility rate, which would eventually lead to an ageing population.

Universiti Putra Malaysia's Malaysian Research Institute on Ageing (MyAgeing) senior research officer Chai Sen Tyng said while there has been growth in women's labour participation over the years, most do not return after bearing a child.

"If we examine the female labour force participation rate at different ages over time, we should see a pattern that more women are joining the labour force.

"However, we don't see a lot of women who leave the workforce rejoining the labour market in big numbers," he said.

Chai said more well-regulated

care centres will address both the issue of an ageing population as well as that of female labour participation.

He also said the government must ensure that childcare facilities are affordable and accessible regardless of financial status.

"The commodification of care might be inevitable, but we have to make sure the care economy is for all, not just the few who can afford commercialised rates," he added.

The public must also be confident in these care centres, he added.

"There must be strong regulations and oversight mechanisms to ensure minimum standards," said Chai.

"The press has reported enough stories of child and elderly abuse in care centres. This is a real issue and the government needs to play a serious role."

The Women, Family and Community Development Ministry celebrated the national-level Senior Citizens Day yesterday.

The government, under the ministry, is starting initiatives aimed at increasing the female labour force participation from

the current 56.2% to a targeted 60%, said minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said the goal will be achieved through a three-point strategy that includes the enhancement of policies and laws pertaining to women in the workforce.

All Women's Action Society (Awam) senior admin and operations officer Lochna Menon said the burden of unpaid care work on women should be urgently addressed.

She said this issue has disempowered women economically, socially and politically.

"The government must look into alternatives and stop placing the burden of unpaid care work on women.

"Many times, these women who spend their lives caring for the elderly, end up not being taken care of in their old age, especially if they are unmarried or without children.

"Aside from depriving the nation of the talent and potential contribution of women to the economy, and prescribing care work to women who may not be suited or trained for the role, depending on unpaid care by women is not only not ideal, it is

not a viable long-term solution," she told *The Star*.

Lochna said to deal with the ageing population in Malaysia, the government must prepare more initiatives in geriatrics, healthcare and other types of care, including mental health and support services, especially for caregivers.

"Public homes and mobile clinics for the elderly, increasing and regulating independent nurses and carers, procuring sufficient medicine and medical equipment, making care more affordable, providing assistance to caregivers, especially in terms of mental health, are some of the most crucial steps that are needed.

"Other long-term strategies may include increasing medical scholarships in order to boost the pool of doctors in the country in the near future," she added.

Lochna also said that women should be represented at various decision-making levels as they have been playing their role in elderly care.

"If the government is able to support women and caregivers in carrying out their care work, that would be an amazing achievement.

"However, this needs to be accompanied by public education campaigns to teach men to shoulder care work too so that the burden of care is not wholly placed on women, caregivers or social workers," she added.

National Association of Human Resources Malaysia president Zarina Ismail said the government should also consider extending childcare subsidies to the private sector.

She said this would encourage more women to rejoin the labour force after giving birth.

"The government has given subsidies of RM180 to each child sent to a registered childcare centre for civil servants whose salary ranges between RM5,000 and RM7,000.

"Maybe it can also be given to the private sector too.

"It just needs a mechanism on how the aid is distributed," she added.

Zarina also said the government should introduce more initiatives through existing policies that would attract greater female participation.

She said there is still gender-based discrimination in the workplace that could be keeping women away.



TAJUK : **IBU BAPA DAN GURU BERGOTONG-ROYONG BERSIHKAN SEKOLAH**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **UTUSAN BORNEO (SARAWAK)**

TARIKH : **02 OCT 2023**

M/SURAT : **08**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Ibu bapa dan guru bergotong-royong bersihkan sekolah

PADAWAN: Hampir 100 ibu bapa dan guru menyertai gotong-royong yang bermula jam 9 pagi di Sekolah Kebangsaan (SK) Puruh Karu di sini.

Menurut Ketua Kaum Kampung Emperoh Karu Noing Sejim dalam satu kenyataan, program tersebut dipercayai dapat mengeratkan hubungan guru dan ibu bapa.

“Antara objektif program ini adalah bagi meningkatkan permuafakatan ibu bapa dan pihak sekolah di samping menceriakan kawasan sekolah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Gotong-Royong Sekolah Kebangsaan (SK) Puruh Karu, baru-baru ini.

Program tersebut merupakan anjuran Persatuan Ibu



KERJASAMA: Para ibu bapa dan guru bekerjasama pada gotong-royong di SK Puruh Karu. — Foto UKAS

Bapa dan Guru (PIBG) SK Puruh Karu dengan ker-

jasama JKKK Kampung Emperoh Karu.



TAJUK :	IBU TUNGGAL DIGESA MENYERTA PERSATUAN IBU TUNGGAL WILAYAH TENGAH SARAWAK		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	02 OCT 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Ibu tunggal digesa menyertai Persatuan Ibu Tunggal Wilayah Tengah Sarawak

SIBU: Ibu tunggal digesa mendaftar diri dengan Persatuan Ibu Tunggal Wilayah Tengah Sarawak (PITWITS).

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Michael Tiang berkata, menerusi persatuan itu ibu tunggal akan mengetahui lebih lanjut mengenai bantuan dan program kerajaan serta cara

mengakses bantuan dan program tersebut.

“Kerajaan menyediakan pelbagai program dan bantuan kepada ibu tunggal untuk membantu mereka berdaya.

“Persatuan ini adalah platform terbaik untuk mengakses pelbagai program dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan,” katanya.

Tiang berkata demikian

dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Kapitan So Teck Kee pada Hari Keluarga serta Penyampaian Insentif Pelajar PITWITS di sini, semalam.

Tiang menegaskan bahawa persatuan itu berfungsi seperti talian hayat, rangkaian individu yang memahami cabaran unik yang mereka hadapi dan ia merupakan saluran kepada bantuan dan

program kerajaan yang direka untuk meringankan beban ibu tunggal.

“Dengan kata lain, persatuan ini akan membuka pintu kepada dunia.

“Justeru saya menyeru semua ibu tunggal untuk mengambil langkah itu dan mendaftar dengan persatuan.

“Dengan berbuat demikian, anda bukan sekadar

memperkasakan diri sendiri tetapi anda akan mencipta masa depan yang lebih cerah untuk diri sendiri dan orang lain,” tambahnya.

Tiang berkata, bahawa menjadi ibu tunggal tidak selalunya mudah, justeru beliau mengagumi dan memuji kekuatan mereka dalam memikul berat tanggungjawab untuk menyara keluarga.

“Anda semangannya contoh hidup daripada semangat manusia yang tidak kenal lelah, menjulang kerjaya, rumah tangga dan asuhan anak-anak anda dengan keazaman.

“Saya juga faham bahawa di sebalik banyak perjuangan, ada antara ibu tunggal yang menjadi usahawan berjaya, berkembang maju dalam kerjaya pilihan mereka dan ke-

hidupan keluarga mereka.

“Saya percaya mereka ini dapat mencapai matlamat kerana sokongan yang mereka peroleh daripada persatuan dan kerajaan,” tambahnya.

Pada program tersebut, seramai 19 pelajar menerima insentif pendidikan.

Hadir sama Pengerusi PITWITS Tuai Rumah Catherine Tamoh Liom.



TAJUK : PBT DIAJAK MEWUJUDKAN BANDAR MESRA KANAK-KANAK

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

PBT diajak mewujudkan bandar mesra kanak-kanak

KWPK mengajak enam pihak berkuasa tempatan di negeri ini untuk mewujudkan bandar mesra kanak-kanak

Oleh Henrietta Liza

KOTA SAMARAHAN: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KWPK) mengajak enam pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini untuk mewujudkan bandar mesra kanak-kanak.

Demikian kata Menteri KWPK Dato Sri Fatimah Abdullah sambil menambah, inisiatif itu akan diadakan dengan bantuan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).

“Minggu ini kami akan meneruskan perbincangan untuk mencapai status ini dengan bantuan UNICEF.

“Jadi kita berharap agar semua PBT akan berusaha bersungguh-sungguh mencapai status bandar mesra kanak-kanak yang diiktiraf oleh UNICEF dalam beberapa tahun mendatang.

“Sekarang lima PBT dan berharap ada enam nanti iaitu Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Padawan (MPP), Majlis Perbandaran Sibul (MPS), Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) dan Majlis Bandaraya Miri (MBM),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sambu-



RAIKAN: Fatimah (tengah) bergambar bersama Razali (tiga kiri) dan Engok (tiga kanan) dan tetamu lain pada sambutan Hari Warga Emas Sedunia 2023 Peringkat Bahagian Samarahan di IPG Samarahan semalam.

tan Hari Warga Emas Sedunia 2023 Peringkat Bahagian Samarahan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Samarahan.

Tambah beliau lagi, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) adalah yang pertama mencapai status berkenaan dan Anugerah Bandar Mesra Kanak-Kanak pertama di Malaysia itu akan disampaikan pada bulan Oktober ini.

“Di Sarawak kita bukan sahaja menumpu kepada satu kawasan PBT tetapi kita meminta enam PBT untuk bersama dan bekerja keras mewujudkan inisiatif berkenaan,” tegasnya.

Selain daripada itu, menyentuh perihal warga emas di Sarawak beliau berkata pihaknya menggunakan negara luar seperti Singapura sebagai penanda aras bagi penyediaan keperluan dalam mewujudkan bandar mesra warga emas di sini sebelum tahun 2028.

Tiga buah universiti di sini telah dilantik sebagai jawatankuasa konsortium bagi menjalankan kajian terhadap profil warga emas mulai tahun depan.

“Di mana lompang dan perkhidmatan yang belum ada kita akan mencari jalan untuk mewujudkan bandar mesra bagi golongan beru-

“ Minggu ini kami akan meneruskan perbincangan untuk mencapai status ini dengan bantuan UNICEF. ”

Dato Sri Fatimah Abdullah
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak
dan Kesejahteraan Komuniti

mur, warga emas dan OKU,” jelasnya.

Usaha itu kata Fatimah, boleh disokong menerusi penyediaan lebih banyak kemudahan tempat duduk di taman dan pusat beli-belah.

“Kerajaan negeri juga dalam usaha memperhalusi Kenyalang Gold Card (KGC) menerusi mekanismenya yang mana setelah selesai akan diumumkan oleh Premier Sarawak sendiri nanti,” ujarnya.

Semalam turut menyaksikan Anugerah Tokoh Warga Emas Kategori Lelaki disampaikan kepada Razali Leman, 68, dari Kampung Asajaya Ulu dan anugerah yang sama untuk Kategori Wanita diberikan kepada Engok Wan, 64, dari Kampung Sampun Tebun.



TAJUK :	SARAWAK DEKA BISI SEBUAH MAKMAL MERESA SAMPEL RIMAN SERVIKS: NANCY		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	02 OCT 2023	M/SURAT :	12
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Sarawak deka bisi sebuah makmal meresa sampel riman serviks: Nancy

KUCHING: Sarawak nyangka deka ngembuan sebuah makmal ti dikena nguji sampel sel penyakit riman ba sarang anak tauka serviks ditu.

Menteri Pemangang Orang Indu, Ruang Bilik enggau Komuniti (KPWKM) Dato Sri Nancy Shukri madah, Kaunsil Peranak enggau Pemangang Ruang Bilik Menua (LPPKN) udah meli begunan ungkup tuju nya.

Taja pia, ku iya, diatu semina nganti deka ngenukuka muakka dalam nya aja.

“Tu mih kebuah kitai dekaka sukung ari perintah negeri berindik ari tu begunaka ungkus urung RM15 juta dikena ngaga makmal tu khas ungkup Sarawak.

“Kitai begunaka kerejasama perintah negeri laban tu endang diguna di Sarawak dalam ngembuan makmal nguji meresa rimas serviks diri empu,” ku iya.

Iya madah munyi tu ba aum media pengudah bejadi program ‘Kasih Keluarga: Gempur Saringan Kanser Serviks Sarawak’ di Wisma SABATI ditu, kilah ensana.

Nitih ku Nancy, Sarawak naka diatu nadai ngembuan makmal nguji ti chukup.

“Nya alai, nyema kitai



BEJADI: Nancy enggau Dr Sim ngaga simbolik bejadi program ‘Kasih Keluarga: Gempur Saringan Kanser Serviks Sarawak’ kilah ensana.

bisi makmal tu diri empu, tu deka ngemuntangka kitai ngambika enda ibuh nganjung sampel riman serviks ke palan bukai.

“Nama agi ti ngaul ungkus ke mayuh ari sukut belanja,” ku iya nerang.

Berindik ari tu, Nancy madah, opis menteri iya mega ngarapka nerimasukung tirat ari perintah negeri dalam

pengawa ngaga makmal tu.

“Kelebih agi ngagai Sapit Premier Sarawak Dato Sri Dr Sim Kui Hian ti mega Menteri Pengerai Mensia Mayuh, Pengawa Berumah enggau Kaunsil Kandang Menua ti udah meri perambu kitai tungagai perintah negeri,” ku iya.

Beserimbai enggau tu, Nancy madah, Sarawak ngerikodka tikas insiden

riman serviks ti pepadu tinggi iya nya 9.6 kes ungkup tetiap 100,000 iku orang indu ninting taun.

“Bepelasarka penerang ti pepadu baru Sarawak ari pun taun 2023 nyentuk Ogos, bisi 4,599 orang indu di negeri tu udah datai lalu beperesa HPV DNA.

“Naka diatu, Sarawak udah ngerikodka 240 kes positif HPV, siti ari kes pra-riman lalu nadai kes positif riman,” ku iya seraya ti ngelalau orang indungambika beperesa HPV (virus human papilloma) ti enda bebayar ba semua palan LPPKN di negeri kelimpah klinik perintah nyentuk bulan Disember taun tu.

Dulu ari nya, Dr Sim dalam jaku pengelalau iya madah, iya deka madahka perambu ngaga makmal beperesa riman serviks tu ngagai Premier Sarawak.

“Naka diatu, kitai patut nganjung sampel riman serviks ke Semenanjung Malaysia.

“Nya alai, KPWKM andalka bisi kerejasama enggau perintah negeri ngaga makmal tu di Sarawak ungkup pemaik rayat negeri tu,” ku iya.



MERESA: Nancy begulal enggau Dr Sim ngelawa pengawa pemandang ti bisi diatur ba pengerami bejadi program ‘Kasih Keluarga: Gempur Saringan Kanser Serviks Sarawak’ kilah ensana.



TAJUK : SURI RUMAH RUGI RM41,500 JADI MANGSA 'PHONE SCAM'

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 02 OCT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Suri rumah rugi RM41,500 jadi mangsa 'phone scam'

MIRI: Seorang suri rumah warga emas di sini kehilangan wang simpanan berjumlah RM41,500 selepas diperdaya sindiket 'phone scam' iaitu panggilan telefon yang menyamar sebagai kawannya.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu berkata, pihaknya menerima laporan polis daripada mangsa berusia lingkungan 60-an pada Khamis tentang kes terbabit.

"Mangsa pada mulanya menerima panggilan telefon daripada satu nombor yang memperkenalkan diri sebagai kawannya yang menggunakan nombor talian baharu kerana mendakwa kehilangan telefon bimbit dan dompet.

"Individu (suspek) yang mendakwa kawan kepada mangsa telah meminta bantuan kewangan daripada mangsa kerana kononnya akaun bank masih perlu dikemas kini," katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Alexson memberitahu, mangsa kemudiannya membuat serahan wang secara dalam talian ke akaun bank yang diberikan oleh suspek iaitu sebanyak empat kali transaksi sehingga berjumlah keseluruhan sebanyak RM41,500.

"Mangsa kemudiannya berasa curiga lalu menghubungi nombor telefon sebenar kawannya dan mendapat tahu bahawa kawannya yang sebenar tidak pernah

kehilangan telefon bimbit dan dompet.

"Susulan itu, mangsa menyedari dirinya telah ditipu," ujarinya.

Oleh itu, Alexson mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dengan mana-mana individu yang tidak dikenali yang membuat panggilan telefon secara tiba-tiba dan meminta bantuan kewangan tanpa semakan terlebih dahulu.

"Orang ramai dinasihati agar menghubungi National Scam Response Center (NSRC) di talian 997 jika menjadi mangsa penipuan siber seperti pinjaman tidak wujud, love scam, e-dagang, phone scam dan sebagainya, sekiranya mereka baru sahaja membuat transaksi pindahan wang ke mana-mana akaun bank atau e-dompet suspek atau orang yang tidak dikenali.

"Orang ramai juga boleh melakukan semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui Check Scammers CCID atau melalui laman web <http://semakmule.rmp.gov.my> sebelum membuat sebarang transaksi kewangan.

"Selain itu, boleh juga berhubung dengan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) infoline melalui WhatsApp atau sistem pesanan ringkas (SMS) di talian 013-2111222 bagi mendapatkan nasihat atau menyalurkan maklumat berhubung kes-kes jenayah dalam talian," nasihatnya.



TAJUK :	SUSPEK TIKAM MATI ISTERI DIREMAN TUJUH HARI		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	02 OCT 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Suspek tikam mati isteri direman tujuh hari

KANGAR: Seorang pesara tentera yang dipercayai menikam mati isterinya dengan sebilah pisau di kediaman pasangan itu di Jalan Padang Nyu, Arau, kelmarin, direman tujuh hari bermula semalam.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Mahkamah Kangar Siti Nor Hasliza Md Ali bagi membantu siasatan kes itu.

Terdahulu, suspek berusia 38 tahun yang berpakaian lokap dan bergari tiba

di pekarangan mahkamah dengan kenderaan polis pada pukul 8.30 pagi.

Kelmarin, media melaporkan seorang lelaki ditahan kerana disyaki menikam mati isterinya, 31 tahun, dengan sebilah pisau dalam kejadian pada kira-kira 6 pagi.

Ketua Polis Daerah Arau Supt Ahmad Mohsin Md Rodi berkata mayat wanita itu ditemukan di bilik tidur kediaman berkenaan dalam keadaan berlumuran darah dan ditutupi dengan selimut

tebal, selepas suspek tampil menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis, pada kira-kira pukul 10 pagi.

Mangsa, seorang jururawat dipercayai ditikam pada bahagian dada kiri dan tikaman sedalam kira-kira dua sentimeter dikesan pada tubuhnya.

Ahmad Mohsin berkata suspek dipercayai bergaduh dengan isterinya akibat cemburu dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan. — Bernama